

Polis berkas dua lelaki babitkan rampasan bernilai hampir RM1 juta

Hidup mewah hasil seludup rokok

Oleh MOHAMAD FAIZAL HASHIM

JOHOR BAHRU – Batalion 5 Pasukan Gerakan Am (PGA) merampas sebanyak 8,500 karton rokok seludup bernilai RM870,000 selepas menahan dua lelaki dalam serbuan di sebuah rumah di Taman Tasek Indah, Kluang dekat sini pada Selasa lalu.

Ketua Polis Johor, Datuk Ayob Khan Mydin Pitchay berkata, dalam serbuan pada pukul 6.30 petang itu, kedua-dua suspek berusia 30 tahun tersebut berada di dalam rumah teres satu tingkat berkenaan.

“Risikan mendapati dua suspèk itu menjalankan kegiatan mengedar rokok seludup sejak tiga hingga empat bulan lalu.

“Polis percaya rokok seludup tersebut untuk edaran di sekitar Kluang,” katanya dalam satu kenyataan di sini semalam.

Menurut Ayob Khan, siasatan awal mendapati rumah berkenaan milik salah seorang suspek yang ditahan.



KERETA jenis BMW dan Mercedes Benz yang dirampas berikutan penahanan dua lelaki berhubung kes penyeludupan rokok di Kluang pada Selasa lalu.

Polis tidak menolak kemungkinan premis itu dijadikan tempat penyimpanan rokok seludup.

Susulan serbuan itu, polis me-

nyita dua buah kereta mewah jenis Mercedes Benz dan BMW bernilai lebih RM1.6 juta.

Kedua-dua kenderaan tersebut dipercayai dibeli dengan ha-

sil menggunakan kegiatan haram tersebut.

Ayob Khan menjelaskan, tangkapan dan rampasan rokok seludup itu dibawa ke Ibu

Pejabat Polis Daerah Kluang untuk tindakan selanjutnya.

Kedua-dua suspek direman dan kes disiasat di bawah Seksyen 135(1) Akta Kastam 1967.